

Mahathir jelaskan kenapa BN-Berjasa bekerjasama

BALING 26

Feb. — Timbalan Perdana Menteri Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad menegaskan kerjasama antara Barisan Nasional dan Berjasa di Kelantan adalah bertujuan untuk mengekalkan perpaduan orang-orang Melayu negeri itu.

Katanya, kerjasama tersebut adalah menyeluruh demi perpaduan rakyat serta kebaikan dan pembangunan Negeri Kelantan.

"Kita tidak mahu melihat orang-orang Melayu yang telah berpecah dua itu terus berpecah menjadi tiga golongan akibat persengketaan antara pemimpin-pemimpin PAS yang membawa kepada penubuhan Berjasa", katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap di majlis diskusi politik UMNO bahagian-bahagian Baling, Padang Serai dan Kulim/Bandar Bharu di Sekolah Kebangsaan Kupang, tujuh batu dari sini semalam.

Beliau menekankan bahawa UMNO menyokong Datuk Mohamed Nasir kerana Barisan Nasional tidak bermusuh dengannya.



DATUK SRI DR. MAHATHIR

Melayu di Kelantan tidak akan berjangkit ke Negeri Kedah.

Katanya, orang-orang yang tidak setuju dengan tindak-tanduk pemimpin-pemimpin PAS hendaklah menyokong UMNO demi perpaduan orang-orang Melayu dan juga agama Islam.

Beliau menambah, "Kita tidak pernah bermusuh dengan ahli-ahli PAS kerana kita tahu mereka terpaksa mengikut arahan daripada pemimpin-pemimpin mereka yang tidak jujur dan berjuang semata-mata untuk kepentingan diri mereka sahaja".

Sebarang permusuhan antara UMNO dan Berjasa hanya akan membawa kehancuran kepada perpaduan rakyat Kelantan, tambah Dr. Mahathir yang juga Naib Presiden UMNO.

Beliau menolak dakwaan bahawa kerjasama antara Barisan Nasional dan Berjasa adalah semata-mata untuk memastikan kemenangan calon-calon Barisan Nasional dalam pilihanraya Negeri Kelantan pada 11 Mac ini.

Katanya, Barisan Nasional tetap akan bekerjasama dengan Berjasa untuk menubuhkan kerajaan campuran di Kelantan walaupun UMNO mendapat majoriti terbesar dalam pilihanraya itu nanti.

"UMNO tidak gilakan kuasa", tegasnya, "tapi kita juga tidak mahu melihat tertubuhnya sebuah kerajaan yang sanggup menggadaikan tiga suku daripada Negeri Kelantan kepada orang asing".

Beliau berharap perpecahan perpaduan di kalangan orang-orang

Menurutnya, pemimpin-pemimpin PAS yang jujur dan benar-benar berjuang untuk bangsa dan agama telah pun keluar dari parti itu dan masuk menjadi ahli Berjasa kerana mereka telah sedar tentang tindak-tanduk pemimpin-pemimpin lain.

"Ini jelas dengan tersingkirnya ramai pemimpin PAS yang kita kata tidak boleh diterima oleh rakyat Negeri Kelantan, termasuk Datuk Mohamed Asri, daripada di calon semula untuk bertanding dalam pilihanraya negeri itu pada bulan depan".

Inilah yang menyebabkan Kelantan menjadi sebuah negeri yang paling mundur sekali di negara ini, tambahnya.

Beliau menegaskan keadaan itu hanya dapat diperbaiki sekiranya Barisan Nasional menguasai semula pemerintahan Negeri Kelantan.